



POLEMIK HADIS AL-FITAN WA AL-MALĀḤIM: TINJAUAN TERHADAP HADIS IBN ṢAYYĀD

(The Polemics of the Hadiths on al-Fitan and al-Malāḥim: A Study of the Hadith of Ibn Ṣayyād)

Abdul Muhaimin bin Mohd Rapingi, Mohd Yusuf Ismail
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstract

This study examines the controversy surrounding the hadiths of al-Fitan and al-Malāḥim through an analysis of the narratives concerning the identity of the enigmatic figure Ibn Ṣayyād, whose status has been the subject of scholarly debate in the Islamic tradition since the time of the Prophet Muḥammad ﷺ. Employing a qualitative research design based on document analysis, the study compiles the relevant hadiths from the major hadith collections and critically examines the interpretations and commentaries of both classical and contemporary scholars. The findings demonstrate that scholarly discussions on the identity of Ibn Ṣayyād have developed into two principal positions. The first identifies him as the true Dajjāl (Antichrist), while the second—representing the majority view—rejects this identification on the basis of their respective textual and theological arguments. The study concludes that this controversy remains an open scholarly discourse within the sphere of ijtihād, where no definitive conclusion has been reached. As such, it serves as a model of Islamic scholarly engagement that acknowledges the limits of human cognition while respecting legitimate differences of scholarly opinion. Furthermore, the study highlights the importance of cultivating spiritual awareness and recognizing humanity's absolute dependence upon Allah's power when addressing matters of eschatological uncertainty, particularly those related to al-Fitan and al-Malāḥim.

Keywords: al-Fitan wa al-Malahim, Ibn Sayyad, Islamic Eschatology.

Article Progress

Received: 17 February 2026
Revised: 24 March 2026
Accepted: 12 May 2026

*Corresponding Author:
Abdul Muhaimin bin Mohd Rapingi.
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Email:
muhaiminrapingi@gmail.com

PENDAHULUAN

Istilah polemik ditakrifkan sebagai suatu perbincangan, perdebatan atau bantahan yang dikemukakan melalui penulisan, sama ada dalam akhbar, majalah mahupun medium lain, sehingga mewujudkan suasana kondusif bagi perkembangan wacana keilmuan dan perbincangan isu-isu semasa¹. Istilah ini juga merujuk kepada bentuk penulisan atau ungkapan yang mengkritik pandangan, idea atau kepercayaan pihak lain². Secara tidak langsung, istilah ini menggambarkan suasana diskusi ilmiah yang melibatkan pertukaran pandangan terhadap sesuatu isu keilmuan atau isu semasa, sekali gus memupuk budaya intelektual dan pemikiran kritis dalam kalangan para sarjana dalam membahaskan sesuatu pandangan dan pendirian³.

Istilah *Hadis al-Fitan wa al-Malāḥim* pula merujuk kepada hadis-hadis Nabi SAW berkaitan perkara dan kejadian masa hadapan, berdasarkan keadaan serta faktor yang khusus⁴. Menurut Yasir Ramli, cakupan hadis *al-Fitan wa al-Malāḥim* merangkumi khabar Nabawi SAW berkaitan pelbagai bentuk

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka. Disunting daripada laman Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). Pautan: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=polemik>

² The Britannica Dictionary. Disunting daripada laman: <https://www.britannica.com/dictionary/polemic>

³ Dewan Bahasa dan Pustaka. Disunting daripada laman Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). Pautan: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=polemik>

⁴ Al-Shurmān, Khālīd Muḥammad dan al-Bawā'inah, Sa'īd Muḥammad. *Aḥādīth al-Fitan: Mafhūmuhā wa al-Taṣnīf Fihā wa Qīmatuhā al-'Amaliyyah wa Qawā'id Fahmihā. Al-Majallah al-Urduniyyah fī al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*. Vol 12. No 4. Hal 129.

ujian yang bakal diadapi oleh setiap individu dalam kehidupan, samada ujian bersifat peribadi seperti ujian harta dan anak keturunan, atau ujian umum seperti kekacauan dan peristiwa dahsyat yang telah berlaku atau akan berlaku sebelum hari kiamat, sebagai suatu bentuk peringatan serta panduan daripada Nabi SAW⁵.

Menelusuri sejarah dan latar polemik *Hadis al-Fitan wa al-Malāḥim*, polemik berkaitan topik ini dilihat telah muncul sejak zaman Nabi SAW. Sejumlah riwayat merekodkan keberadaan satu sosok tubuh misteri di zaman Nabi SAW yang dikenali sebagai Ibn Ṣayyād atau Ibn Ṣā'id⁶. Menurut Ibn Kathīr (773 H), nama sebenar beliau adalah Ṣāf bin Ṣayyād, kelahiran Yahudi yang tinggal di bumi Madinah⁷. Setelah memeluk Islam, namanya ditukar kepada Abdullah bin Ṣayyād⁸. Beliau turut dikurniakan anak bernama 'Umarah bin Abdullah bin Ṣayyād yang tergolong dalam kalangan tabi'in⁹, bahkan beliau adalah *aṣḥāb* Sa'īd bin Musayyib, malah Imam Mālik bin Anas turut meriwayatkan daripadanya¹⁰.

Bagi menyingkap identiti misteri Ibn Ṣayyād, Rasulullah SAW telah merancang untuk menyelidiki peribadinya, lalu Baginda SAW mengintip secara sembunyi dan turut beberapa kali mengujinya secara berdepan. Beberapa riwayat juga merekodkan pertemuan sejumlah para sahabat dengannya, sehingga menimbulkan persepsi dan tanggapan khusus dikalangan sahabat tentang dirinya. Kepelbagaian riwayat pertemuan Nabi SAW dan pertemuan para sahabat dengan Ibn Ṣayyād seterusnya melahirkan tafsiran yang pelbagai dikalangan sarjana Islam dengan kefahaman, sudut pandang dan hujah yang berbeza-beza dalam memahami riwayat-riwayat tersebut dalam mengenalpasti identiti sebenar sosok tubuh misteri ini.

PERTEMUAN RASULULLAH SAW DENGAN IBN ṢAYYĀD

Menurut al-Qurtubī (656 H), perilaku Ibn Ṣayyād ketika kecil adalah seperti perilaku seorang dukun¹¹. Beliau sering menyebarkan suatu khabar sedangkan wahyu tidak diturunkan kepadanya, perkhabarannya pula kadangkala benar terjadi dan kadangkala sebaliknya¹². Melihat hal demikian, Rasulullah SAW memutuskan untuk mengikuti sosok peribadi Ibn Ṣayyād bagi mengujinya, lalu berlaku beberapa pertemuan antara Baginda SAW dengannya¹³.

Abdullah bin Umar RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW dan Ubay bin Ka'ab RA pernah mengintip untuk mendengar ungkapan-ungkapan Ibn Ṣayyād bagi menyingkap identiti sebenar beliau, kata Ibn Umar RA:

"انطلق رسول الله ﷺ وأبي بن كعب الأنصاري، يؤمان النخل التي فيها ابن صياد، حتى إذا دخل رسول الله ﷺ، طفق رسول الله ﷺ يتقي بجذوع النخل، وهو يحتل أن يسمع من ابن صياد شيئاً قبل أن يراه، وابن صياد مضطجع على فراشه في قطيفة له فيها زمرة، أو زمرة، فرأت أم ابن صياد النبي ﷺ وهو يتقي بجذوع النخل، فقالت لابن صياد: أي صاف هذا محمد، فتناهى ابن صياد، قال رسول الله ﷺ: "لو تركته بين".

⁵ Yasir bin Ramli. 2023. *Al-Ittijāhāt al-Tafsiriyyah li al-Hawādīth al-Wāridah fī Aḥādīth al-Fitan wa al-Malāḥim*: Dirasah Taḥlīliyyah li Namāzaj Mukhtārah. Tesis Phd: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Hal 22.

⁶ Kedua-dua gelaran tersebut sama ada Ibn Ṣayyād mahupun Ibn Ṣā'id adalah disebut dalam hadis-hadis Nabi SAW. Lihat: Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf. 1392 H. *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*. Jil 18. Hal 46.

⁷ Ibn Kathīr, Ismā'īl bin 'Umar. 1420 H. *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Jil 19. Hal 204.

⁸ Ibid.

⁹ Ibid.

¹⁰ Ibn al-Athīr, 'Alī bin Aḥmad. 1994. *Usud al-Ghābah fī Ma'rīfah al-Ṣaḥābah*. Jil 3. Hal 283.

¹¹ Al-Qurtubī, Aḥmad bin 'Umar. 1996. *Al-Mufhim li mā Ushyika min Talkhīṣ Kitāb Muslim*. Jil 7. Hal 262.

¹² Ibn Hajar al-'Asqalānī, Aḥmad bin Ali. 1390 H. *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jil 6. Hal 173.

¹³ Badr al-Dīn al-'Ainī, Mahmud bin Aḥmad. 1431 H. *'Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jil 14. Hal 302.

“Rasulullah SAW Bersama Ubay bin Ka’ab al-Anṣārī bergerak ke kebun kurma yang terdapat di dalamnya Ibn Ṣayyād. Apabila Rasulullah SAW masuk, Baginda bersembunyi di sebalik pohon kurma untuk mendengar sesuatu daripada ungkapan Ibn Ṣayyād sebelum dia menyedarinya. Pada waktu itu, Ibn Ṣayyād sedang berbaring di tempat tidur sambil berselimut, kedengaran daripadanya suara perlahan (seperti bisikan). Malangnya ibu Ibn Ṣayyād ternampak Nabi SAW berlindung di sebalik pohon kurma, lalu dia berkata kepada anaknya: wahai Ṣāf, itu Muhammad! Maka Ibn Ṣayyād tersedar (daripada perilakunya). Kata Rasulullah SAW: sekiranya ibunya membiarkannya, pasti akan tersingkap jelas (hakikatnya)”¹⁴.

Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW pernah menguji Ibn Ṣayyād dengan menyembunyikan sesuatu daripadanya lalu membiarkannya meneka perkara yang disembunyikan tersebut. Abdullah bin Umar RA meriwayatkan bahawa:

"أَنَّ عُمَرَ انْطَلَقَ مَعَ النَّبِيِّ ﷺ فِي رَهْطٍ قَبْلَ ابْنِ صَيَّادٍ، حَتَّى وَجَدُوهُ يَلْعَبُ مَعَ الصَّبْيَانِ، عِنْدَ أُطْمِ بَنِي مَعَالَةَ، وَقَدْ قَارَبَ ابْنُ صَيَّادٍ الْحُلْمَ، فَلَمْ يَشْعُرْ حَتَّى ضَرَبَ النَّبِيُّ ﷺ بِيَدِهِ، ثُمَّ قَالَ لِابْنِ صَيَّادٍ: "تَشْهَدُ أَنِّي رَسُولُ اللَّهِ؟"، فَظَنَرَ إِلَيْهِ ابْنُ صَيَّادٍ فَقَالَ: "أَشْهَدُ أَنَّكَ رَسُولُ الْأُمِّيِّينَ". فَقَالَ ابْنُ صَيَّادٍ لِلنَّبِيِّ ﷺ: "أَتَشْهَدُ أَنِّي رَسُولُ اللَّهِ؟"، فَرَفَضَهُ وَقَالَ: "آمَنْتُ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ"، فَقَالَ لَهُ: "مَاذَا تَرَى؟"، قَالَ ابْنُ صَيَّادٍ: "يَأْتِينِي صَادِقٌ وَكَاذِبٌ"، فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: "خَلِطَ عَلَيْكَ الْأَمْرُ". ثُمَّ قَالَ لَهُ النَّبِيُّ ﷺ: "إِنِّي قَدْ حَبَّأْتُ لَكَ حَيِّمًا"، فَقَالَ ابْنُ صَيَّادٍ: "هُوَ الدُّخُّ". فَقَالَ: "اِحْسَأْ، فَلَنْ تَعْدُو قَدْرَكَ!". فَقَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: "دَعْنِي يَا رَسُولَ اللَّهِ أَضْرِبَ عُنُقَهُ". فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: "إِنْ يَكُنْهُ فَلَنْ تُسَلِّطَ عَلَيْهِ، وَإِنْ لَمْ يَكُنْهُ فَلَا حَيْرَ لَكَ فِي قَتْلِهِ".

“Umar RA pernah bersama Nabi SAW dalam satu kumpulan menuju ke Ibn Ṣayyād. Mereka menemuinya sedang bermain dengan kanak-kanak di benteng Bani Maghālah, usia Ibn Ṣayyād pada ketika itu menghampiri usia baligh. Dia tidak menyedari kehadiran mereka sehinggalah Rasulullah SAW menepuk tangannya, kemudian Baginda berkata kepada Ibn Ṣayyād: “engkau bersaksi bahawa aku Rasulullah?”, Ibn Ṣayyād memandang Baginda dan berkata: “aku bersaksi bahawa engkau utusan kepada *ummiyyīn*”. Kemudian Ibn Ṣayyād berkata kepada Nabi SAW: “adakah engkau bersaksi bahawa aku Rasulullah?”, Baginda SAW membidas dan bersabda: “aku beriman dengan Allah dan rasul-Nya”. Kemudian Baginda bertanya kepadanya: “apa yang engkau lihat?”, jawab Ibn Ṣayyād: “telah datang kepadaku kebenaran dan dusta”. Lalu Nabi SAW berkata: “telah berlaku kekeliruan pada kamu”. Kemudian Nabi SAW berkata: “aku menyembunyikan sesuatu buatmu”. Jawab Ibn Ṣayyād: “ianya adalah *dukh*”. Lalu Rasulullah SAW berkata: “diam, Jangan melebihi batas kedudukanmu!”. Melihat situasi itu, Umar RA berkata: “biarkan aku penggal kepalanya!”. Jawab Rasulullah SAW: “jika benar dia merujuk kepadanya, maka engkau tidak boleh menguasainya, manakala jika sebaliknya maka tiada guna untuk membunuhnya”¹⁵.

Dalam riwayat Abū Sa’īd al-Khudrī RA, Rasulullah SAW bertanya kepada Ibn Ṣayyād:

"ما تَرَى؟"، فقال: "أَرَى عَرْشًا فَوْقَ الْمَاءِ"، قال النبي ﷺ: "يَرَى عَرْشَ إِبْلِيسَ فَوْقَ الْبَحْرِ". قال: "ما تَرَى؟"، قَالَ: أَرَى صَادِقًا وَكَاذِبَيْنِ أَوْ صَادِقِينَ وَكَاذِبًا، قال النبي ﷺ: "لَيْسَ عَلَيْهِ، فَدَعَاهُ".

“Apa yang engkau lihat? Dia menjawab: aku melihat arasy di atas air. Kata Nabi SAW: dia melihat arasy iblis di laut. Baginda bertanya lagi: apa yang engkau lihat lagi? Dia menjawab: aku melihat

¹⁴ Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’il. 1993. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Kitāb al-Syāḥādāt. Bab Syāḥādah al-Mukhtabī. Jil 2:932. No hadis 2495. Muslim bin al-Hajjāj. 1955. Ṣaḥīḥ Muslim. Kitāb al-Fitan wa Asyrāt al-Sā’ah. Bab Zikr Ibn Ṣayyād. Jil 4:2244. No hadis 2931.

¹⁵ Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’il. 1993. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Kitāb al-Adab. Bab Qawl al-Rajul li al-Rajul: Ikhsa’. Jil 5:2284. No hadis 5821.

seorang yang benar dan dua orang pendusta, atau dua orang benar dan seorang pendusta. Kata Rasulullah SAW: dia telah dikelirukan, tinggalkannya”¹⁶.

Adapun perkara yang disembunyikan oleh Rasulullah SAW tersebut merupakan potongan ayat al-Quran, namun Ibn Sayyād hanya dapat meneka secebis daripada salah satu lafaz ayat tersebut. Dalam riwayat yang lebih terperinci, Rasulullah SAW berkata kepadanya:

"إِنِّي قَدْ حَبَأْتُ لَكَ حَبِيبَةً، وَحَبًّا لَهُ: ﴿يَوْمَ تَأْتِي السَّمَاءُ بِدُحَانٍ مُبِينٍ﴾، قَالَ ابْنُ صَيَّادٍ: هُوَ الدُّخَانُ..."

“Sesungguhnya aku sembunyikan sesuatu daripadamu, Baginda menyembunyikan sepotong ayat al-Quran: “Pada hari langit membawa asap yang jelas” (al-Dukhan: 10). Kata Ibn Sayyād: “iaitu *al-dukh*”¹⁷.

Pada ungkapan Rasulullah SAW kepada Umar RA: “jika benar dia merujuk kepadanya, maka engkau tidak boleh menguasainya, manakala jika sebaliknya maka tiada guna untuk membunuhnya”, menggambarkan tanggapan Rasulullah SAW tentang sosok tubuh Ibn Sayyād sama ada beliau merupakan Dajjāl atau bukan¹⁸. Secara tidak langsung, ungkapan tersebut menunjukkan bahawa Baginda SAW sendiri tidak pasti hakikat sebenar Ibn Sayyād¹⁹. Keadaan ini sama sekali tidak merendahkan kedudukan Baginda SAW, sebaliknya ia mencerminkan kebergantungan Baginda SAW kepada wahyu. Apabila tiada wahyu diturunkan untuk menyingkap hakikatnya, maka Rasulullah SAW tidak memutuskan status beliau secara pasti²⁰.

Pada aspek yang lain, timbul juga persoalan bagaimana Rasulullah SAW boleh membiarkan Ibn Sayyād hidup di Madinah dan melarang Umar RA daripada membunuhnya, sedangkan beliau secara terang-terangan mendustai kerasulan Baginda SAW, bahkan beliau mendakwa dirinya sendiri sebagai Rasul²¹.

Menurut al-Khattābī (388 H), pendirian Rasulullah SAW tersebut berkemungkinan berasaskan kepada dua alasan²²:

1. Usia Ibn Sayyād sewaktu melontarkan dakwaan tersebut masih belum mencapai usia baligh. Oleh itu, percakapan beliau pada usia tersebut tidak memberi sebarang implikasi hukum. Bahkan sekiranya kanak-kanak dikalangan orang muslim menjadi murtad sekalipun tetap tidak dihukum bunuh sehingga mencapai usia baligh. Apabila mencapai usia baligh, maka dia terlebih dahulu diminta untuk bertaubat, sekiranya tidak bertaubat barulah dihukum bunuh.
2. Rasulullah SAW tidak mengambil tindakan kepada Ibn Sayyād kerana kejadian tersebut berlaku pada fasa perdamaian antara Baginda SAW dengan kalangan Yahudi dan sekutu mereka. Sewaktu Rasulullah SAW tiba di Madinah, Baginda SAW telah memeterai perjanjian dengan kalangan Yahudi untuk tidak berperang dan dibiarkan mereka dengan urusan mereka. Ibn Sayyād adalah termasuk daripada kalangan Yahudi, maka dirinya juga termasuk dalam perjanjian yang telah dimeterai oleh Baginda SAW bersama mereka.

Disamping itu, Ibn Hajar al-‘Asqalānī (852 H) pula berpandangan bahawa Ibn Sayyād tidak menyatakan secara pasti bahawa beliau dikurniakan *nubuwwah*. Sebaliknya beliau mendakwa mendapat risalah, dan

¹⁶ Muslim bin al-Ḥajjāj. 1955. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab al-Fitan wa Asyrāt al-Sā’ah. Bab Fī Zikr Ibn Sayyād. No hadis 2925. Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā. 2009. *Sunan al-Tirmidhī*. Kitab Abwāb al-Fitan ‘An Rasūlillāh Ṣallāllāhu ‘Alayhi wa Sallam. Bab Mā Jā’ Fī Zikr Ibn Sayyād. No hadis 2398.

¹⁷ Abū Dawūd, Sulaymān bin al-Ash’ath. 2009. *Sunan Abu Dawūd*. Awwal Kitāb al-Malāḥim. Bab Fī Khabar Ibn al-Ṣā’id. Jil 6:385. No hadis 4329.

¹⁸ Sharaf al-Dīn Al-Ṭibī, al-Ḥusayn bin Abdullah. 1997. *Al-Kāshif ‘an Haqāiq al-Sunan*. Jil 11. Hal 3472.

¹⁹ Ibn Baṭṭāl, Alī bin Khalaf. 2003. *Syarah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*. Jil 10. Hal 386.

²⁰ Al-Qurtubī, Ahmad bin ‘Umar. 1996. *Al-Mufhim li mā Usykila min Talkhīṣ Kitāb Muslim*. Jil 7. Hal 265.

²¹ Al-Khattābī, Ḥamad bin Muḥammad. 1988. *A’lām al-Ḥadīth Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jil 1. Hal 710.

²² Ibid.

dakwaan risalah tidak semestinya bermaksud *nubuwwah*²³. Ibn Hajar (852 H) berhujahkan sepotong ayat al-Quran berkaitan pengutusan (*irsāl*) Syaitan kepada kalangan kafir, iaitu firman Allah SWT:

﴿لَمْ تَرَ أَنَا أَرْسَلْنَا الشَّيْطَانَ عَلَى الْكَافِرِينَ﴾

“Tidakkah engkau mengetahui (wahai Muhammad) sesungguhnya Kami telah menghantar syaitan-syaitan kepada orang-orang kafir”²⁴.

Namun, pandangan Ibn Hajar al-‘Asqalānī (852 H) tersebut kembali dinilai oleh Shamsuddīn al-Kūrānī (893 H), kerana konteks persoalan Ibn Ṣayyād kepada Baginda SAW: “adakah engkau bersaksi bahawa aku Rasulullah?”, tidak difahami melainkan dengan maksud *nubuwwah*. Tambahan pula, Nabi SAW sendiri menjawab persoalan tersebut dengan ungkapan Baginda SAW: “aku beriman kepada Allah dan para rasul-Nya”, yang mengisyaratkan bahawa konteks persoalan dan jawapan adalah berlegar pada kerangka *nubuwwah*²⁵.

Muhammad Fahīm Abū ‘Abiyyah pula mempersoalkan rasional pertanyaan Nabi SAW kepada Ibn Ṣayyād, kata beliau: “Adakah budak dianggap mukallaf? Adakah perlu seorang Rasul untuk datang kepadanya dan menyoalnya dengan soalan-soalan sebegitu? Adakah logik untuk Baginda menunggu sehingga dia menjawab? Adakah diterima jawapan beliau padahal beliau seorang kafir dan mengaku sebagai rasul? Adakah Allah mengutuskan Rasul daripada kalangan budak? Demikian soalan-soalan kami buat mereka yang telah lumpuh daripada berfikir dengan benar dan matang!”²⁶.

Menjawab persoalan Muhammad Fahīm tersebut, soalan-soalan yang dilontarkan Rasulullah SAW kepada Ibn Ṣayyād sama sekali tidak berkaitan soal mukallaf atau sebaliknya, namun persoalan tersebut dan tindakan Rasulullah SAW mengintip serta memerhati beliau tidak lain adalah untuk menyingkap hakikat sebenar dirinya sama ada beliau semata-mata dikuasai syaitan atau beliau sebenarnya adalah Dajjāl²⁷. Pendekatan Rasulullah SAW tersebut merupakan ijtihad Baginda SAW sendiri²⁸, memandangkan Baginda SAW tidak diberitakan oleh wahyu tentang individu Dajjāl secara pasti, tetapi Baginda SAW hanya dikhabarkan tentang ciri-ciri dan sifat Dajjāl yang sebahagiannya sepadan dengan keperibadian Ibn Ṣayyād²⁹. Tambahan pula, persamaan ciri-ciri dan sifat individu adalah tidak terhad pada usia dewasa sahaja, maka bukanlah suatu perkara yang janggal apabila Baginda SAW berusaha menyingkap hakikat beliau walaupun usianya masih belum mencapai usia baligh.

Malah tidak juga menjadi masalah sekiranya Rasulullah SAW memang menguji beliau dengan soalan-soalan begitu walaupun ketika usianya masih kanak-kanak. Oleh kerana itu, Imam al-Bukhārī (256 H) menempatkan persoalan Nabi SAW kepada Ibn Ṣayyād tersebut pada bab *Kayfa Yu’raḍ al-Islām ‘Alā al-Ṣabīy* (Bagaimana Memperkenalkan Islam kepada Kanak-kanak). Kata Ibn Hajar (852 H): “pensyariatan memperkenalkan Islam kepada kanak-kanak terdapat pada hadis utama bagi bab ini pada pertanyaan Nabi SAW kepada Ibn Ṣayyād: “adakah engkau bersaksi bahawa aku Rasulullah?”, pada waktu itu beliau masih belum baligh. Keadaan ini menunjukkan kepada pengiktirafan dan kesahihan Islam seorang budak. Bahkan sekiranya dia (Ibn Ṣayyād) memperakukan, maka sudah pasti diterima, kerana (perakuan tersebut) telah memenuhi objektif penawaran Islam kepadanya”³⁰.

²³ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Ahmad bin Ali. 1390 H. Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Jil 6. Hal 174.

²⁴ Surah Maryam: 83

²⁵ Shamsuddīn al-Kūrānī, Ahmad bin Ismā’il. 2008. Al-Kawthar al-Jārī ilā Riyāḍ Aḥādīth al-Bukhārī. Jil 6. Hal 62.

²⁶ Fahīm Abū ‘Abiyyah. 1968. Al-Nihāyah fī al-Fitan wa al-Malāḥim (taḥqīq). Jil 1. Hal 104..

²⁷ Al-Qādī ‘Iyād, ‘Iyād bin Mūsā. 1998. Ikmal al-Mu’lim bi Fawāid al-Muslim. Jil 8. Hal 466.

²⁸ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Ahmad bin Ali. 1390 H. Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Jil 6. Hal 174.

²⁹ Sharafuddīn Al-Ṭībī, al-Ḥusayn bin Abdullah. 1997. Al-Kāsyif ‘An Ḥaqāiq al-Sunan. Jil 11. Hal 3473.

³⁰ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Ahmad bin Ali. 1390 H. Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Jil 6. Hal 172.

TANGGAPAN PARA SAHABAT RA

Tidak terhenti dengan pertemuan Rasulullah SAW, beberapa orang dari kalangan sahabat juga direkodkan bertemu dengan Ibn Sayyād pada situasi yang berbeza-beza. Abdullah bin Umar RA menyatakan bahawa beliau pernah berjumpa dengan Ibn Sayyād, kata beliau:

"لَقِيتُهُ مَرَّتَيْنِ، قَالَ: فَلَقَيْتُهُ فَقُلْتُ لِيَعْضِبَهُمْ: هَلْ تَحَدَّثُونَ أَنَّهُ هُوَ؟ قَالَ: لَا وَاللَّهِ، قَالَ قُلْتُ: كَذَبْتَنِي وَاللَّهِ، لَقَدْ أَخْبَرَنِي بَعْضُكُمْ أَنَّهُ لَنْ يَمُوتَ حَتَّى يَكُونَ أَكْثَرُكُمْ مَالًا وَوَلَدًا، فَكَذَلِكَ هُوَ زَعَمُوا الْيَوْمَ. قَالَ: فَتَحَدَّثْنَا ثُمَّ فَارَقْتُهُ، قَالَ: فَلَقَيْتُهُ لَقِيَةً أُخْرَى وَقَدْ نَفَرْتُ عَيْنُهُ، قَالَ فَقُلْتُ: مَتَى فَعَلْتَ عَيْنُكَ مَا أَرَى؟ قَالَ: لَا أَذْرِي، قَالَ قُلْتُ: لَا تَذْرِي وَهِيَ فِي رَأْسِكَ؟ قَالَ: إِنْ شَاءَ اللَّهُ خَلَقَهَا فِي عَصَاكَ هَذِهِ. قَالَ: فَتَحَرَّ كَأَشَدِّ خَيْرِ جِمَارٍ سَمِعْتُ، قَالَ: فَزَعَمَ بَعْضُ أَصْحَابِي أَنِّي ضَرَبْتُهُ بِعَصَا كَانَتْ مَعِيَ حَتَّى تَكَسَّرَتْ، وَأَمَّا أَنَا فَوَاللَّهِ مَا شَعَرْتُ".

“Aku pernah bertemu dengannya dua kali. Kata beliau (Ibn Umar): aku bertanya kepada sebahagian daripada mereka: adakah kamu mengatakan bahawa dia adalah orangnya (merujuk kepada Dajjāl)? Jawab mereka: tidak, demi Allah! Aku berkata: Demi Allah kamu berdusta kepadaku, sebahagian daripada kalian telah mengatakan kepadaku bahawa dia (Ibn Sayyād) tidak akan mati sehingga dia menjadi orang yang paling banyak harta dan anak. Demikian itulah yang mereka dakwa keadaannya pada hari ini. Kata beliau: kemudian kami berbual-bual, lalu aku berpisah dengannya.

Selepas daripada itu, aku bertemu lagi dengannya dalam keadaan matanya tertonjol keluar. Aku bertanya: bilakah matamu jadi seperti yang aku lihat ini? Dia menjawab: aku tidak tahu. Aku berkata: engkau tidak tahu sedangkan mata itu berada di kepalamu? Dia menjawab: jika Allah menghendaki, Dia boleh menciptakannya pada tongkatmu ini. Kemudian dia merengek dengan kuat seperti bunyi keldai yang kuat yang pernah aku dengar. Sebahagian para sahabatku mendakwa bahawa aku telah memukulnya dengan tongkatku sehingga tongkat tersebut patah. Adapun aku sendiri, demi Allah, aku tidak sedar melakukannya”³¹.

Menurut al-Qurtubī (656 H), ungkapan Ibn Umar RA kepada sebahagian kalangan yang mendakwa Ibn Sayyād tidak akan mati melainkan setelah menjadi orang yang paling banyak harta dan anak, adalah merujuk kepada ungkapan beliau terhadap beberapa orang para sahabat lain³². Tambah beliau lagi, ungkapan sebegini tidak mungkin diucapkan oleh para sahabat melainkan dengan wahyu, maka seolah-olah ungkapan sebegini sebenarnya merujuk kepada nukilan sebilangan para sahabat daripada sabdaan Baginda SAW³³.

Pada situasi yang lain, Abdullah bin Umar RA pernah sekali lagi bertemu dengan Ibn Sayyād, Nāfi’ mawlā Ibn Umar RA berkata:

"لَقِيَ ابْنُ عُمَرَ ابْنَ صَائِدٍ فِي بَعْضِ طُرُقِ الْمَدِينَةِ، فَقَالَ لَهُ قَوْلًا أَعْظَبَهُ، فَانْتَفَحَ حَتَّى مَلَأَ السِّكَّةَ، فَدَخَلَ ابْنُ عُمَرَ عَلَى حَفْ صَاةٍ وَقَدْ بَلَغَهَا، فَقَالَتْ لَهُ: رَحِمَكَ اللَّهُ، مَا أَرَدْتَ مِنْ ابْنِ صَائِدٍ؟ أَمَا عَلِمْتَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: إِنْمَا يَخْرُجُ مِنْ غَضَبِي يَعْضِبُهَا؟".

“Ibn Umar telah bertemu dengan Ibn Sā’id di salah satu jalan di Madinah, lalu beliau telah berkata sesuatu yang membuatnya marah. Tiba-tiba, dia (Ibn Sā’id) membesar sehingga memenuhi lorong jalan tersebut. Ibn Umar kemudian pergi menemui Hafṣah dan berita tersebut telah pun sampai kepadanya. Maka dia (Hafṣah) berkata kepadanya: semoga Allah merahmatimu, apa yang engkau mahukan dari Ibn

³¹ Muslim bin al-Hajjāj. 1955. Ṣaḥīḥ Muslim. Kitāb al-Fitan wa Asyrāt al-Sā’ah. Bab Zikr Ibn Sayyād. Jil 4:2247. No hadis 2932.

³² Al-Qurtubī, Ahmad bin ‘Umar. 1996. Al-Mufhim li mā Usykila min Talkhīṣ Kitāb Muslim. Jil 7. Hal 270.

³³ Ibid. Jil 7. Hal 270-271.

Şā'id? Tidakkah kamu tahu bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: Sesungguhnya dia keluar disebabkan kemarahan yang membangkitkannya?"³⁴.

Ungkapan Ḥafṣah RA kepada Ibn Umar RA bahawa Nabi SAW pernah bersabda: "Sesungguhnya dia keluar disebabkan kemarahan yang membangkitkannya...", adalah merujuk kepada keluarnya Dajjāl disebabkan kemarahan yang membangkitkannya³⁵. Adapun situasi Ibn Ṣayyād membesarkan badannya kemungkinan adalah suatu perilaku khusus Ibn Ṣayyād yang menarik adat, yang menjadi petunjuk bahawa dirinya adalah Dajjāl³⁶. Nukilan Ḥafṣah tersebut juga menunjukkan bahawa beliau memaksudkan Ibn Ṣayyād sebagai Dajjāl sebenar³⁷.

Selain Ḥafṣah RA, beberapa orang sahabat lain bahkan pernah bersumpah bahawa Ibn Ṣayyād adalah Dajjāl. Muḥammad bin al-Munkadir meriwayatkan bahawa Jābir bin Abdullah RA dan Umar bin al-Khattab RA pernah bersumpah tentangnya disisi Nabi SAW dan Baginda tidak mengingkarinya, kata Muḥammad bin al-Munkadir:

"رَأَيْتُ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ يَخْلِفُ بِاللَّهِ: أَنَّ ابْنَ الصَّيَّادِ الدَّجَّالَ، قُلْتُ: تَخْلِفُ بِاللَّهِ؟ قَالَ: إِنِّي سَمِعْتُ عُمَرَ يَخْلِفُ عَلَى ذَلِكَ عِنْدَ النَّبِيِّ ﷺ، فَلَمْ يُنْكِرْهُ النَّبِيُّ ﷺ".

"Aku melihat Jābir bin Abdullah bersumpah dengan nama Allah: sesungguhnya Ibn al-Ṣayyād adalah Dajjāl. Aku (Muḥammad bin al-Munkadir) berkata: engkau bersumpah dengan nama Allah? Beliau (Jābir bin Abdullah) menjawab: sesungguhnya aku mendengar Umar bersumpah dengannya disisi Nabi SAW dan Nabi SAW tidak mengingkarinya"³⁸.

Beberapa riwayat lain turut merekodkan bahawa Ibn 'Umar RA³⁹, Ibn Abbās RA⁴⁰ dan Abū Dzar al-Ghifārī RA⁴¹ turut bersumpah bahawa Ibn Ṣayyād adalah Dajjāl.

Walaupun begitu, Ibn Ṣayyād secara peribadi menafikan bahawa dirinya adalah Dajjāl. Abū Sa'id al-Khudrī RA menceritakan bahawa beliau pernah bertolak menuju ke Mekah bersama Ibn Ṣayyād. Pada waktu mereka berhenti berehat di perjalanan, Ibn Ṣayyād mengadu kepada Abū Sa'id al-Khudrī RA, katanya:

"أَبَا سَعِيدٍ، لَقَدْ هَمَمْتُ أَنْ أَخَذَ حَبَلًا فَأَعْلَقَهُ بِشَجَرَةٍ، ثُمَّ اخْتَبَقَ مِمَّا يَقُولُ لِي النَّاسُ. يَا أَبَا سَعِيدٍ، مَنْ خَفِيَ عَلَيْهِ حَدِيثُ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ مَا خَفِيَ عَلَيْكُمْ مَعْشَرَ الْأَنْصَارِ، أَلَسْتَ مِنْ أَعْلَمِ النَّاسِ بِحَدِيثِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ؟ أَلَيْسَ قَدْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: هُوَ كَافِرٌ؟ وَأَنَا مُسْلِمٌ، أَوَلَيْسَ قَدْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: هُوَ عَقِيمٌ لَا يُؤَلِّدُ لَهُ؟ وَقَدْ تَرَكْتُ وَلَدِي بِالْمَدِينَةِ،

³⁴ Muslim bin al-Ḥajjāj. 1955. Ṣaḥīḥ Muslim. Kitāb al-Fitan wa Asyrāt al-Sā'ah. Bab Zikr Ibn Ṣayyād. Jil 4:2246. No hadis 2932.

³⁵ Al-Mullā 'Alī al-Qārī, 'Alī bin Muḥammad. 2002. Mirqāh al-Mafātīḥ Sharḥ Misykāt al-Maṣābiḥ. Jil 8. Hal 3489.

³⁶ Al-Qurtubī, Ahmad bin Umar. 1996. Al-Mufhim li mā Usykila min Talkhīṣ Kitāb Muslim. Jil 7. Hal 272.

³⁷ Ibn Hajar al-'Asqalānī, Ahmad bin Ali. 1390 H. Faṭḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Jil 13. Hal 326.

³⁸ Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'il. 1993. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Kitāb al-I'tisām bi al-Kitāb wa al-Sunnah. Bab Man Ra'ā Tark al-Nakīr min al-Nabī Ṣallallāhu 'Alayhi wa Sallam Ḥujjatan, lā min Ghayr al-Rasūl. Jil 6:2677. No hadis 6922.

³⁹ Lihat: Abū Dawud, Sulaymān bin al-Ash'ath. 2009. Sunan Abī Dawud. Awwal Kitāb al-Malāḥim. Bab fi Khabar Ibn Ṣā'id. Jil 6:388. No hadis 4330.

⁴⁰ Lihat: Abū Ya'lā al-Mūṣilī, Ahmad bin 'Alī. 1984. Musnad Abī Ya'lā. Musnad Abdullah bin Mas'ūd. Jil 9:132. No hadis 5207. Dinilai sahih oleh Husayn Sa'im Asad (muhaqqiq). Al-Ṭabarānī, Sulaymān bin Ahmad. 1994. Al-Mu'jam al-Kabīr. Bab al-'Ayn. Bab Man Rawā 'An Ibn Mas'ūd Annahu Lam Yakun Ma'a al-Nabī Ṣallallāhu 'Alayhi Wa Sallam Laylah al-Jin. Jil 10:109. No hadis 10119.

⁴¹ Lihat: Ahmad bin Hanbal. 2001. Musnad al-Imām Ahmad bin Hanbal. Musnad al-Anṣār. Ḥadīth Abī Dzar al-Ghifārī raḍiyallāhu 'anh. Jil 35:236. No hadis 21319.

أَوَلَيْسَ قَدْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: لَا يَدْخُلُ الْمَدِينَةَ وَلَا مَكَّةَ؟ وَقَدْ أَقْبَلْتُ مِنَ الْمَدِينَةِ وَأَنَا أُرِيدُ مَكَّةَ. قَالَ أَبُو سَعِيدٍ الْخُدْرِيُّ: حَتَّى كِدْتُ أَنْ أَعْذِرَهُ...".

“Abū Sa’īd, aku pernah terfikir untuk mengambil seutas tali lalu mengikatnya di pokok, kemudian aku menggantung diri atas segala yang dipertuturkan orang ramai terhadap diriku. Wahai Abū Sa’īd, siapa yang tersembunyi daripadanya hadis Rasulullah SAW, ianya tidak tersembunyi dari kalian sekalian Ansar. Bukankah engkau antara mereka yang paling mengetahui hadis Rasulullah SAW? Bukankah Rasulullah SAW telah bersabda: dia (Dajjāl) adalah kafir? Sedangkan aku muslim. Bukankah Rasulullah SAW bersabda: dia mandul, tidak melahirkan anak? Sedangkan aku meninggalkan anakku di Madinah. Bukankah Rasulullah SAW bersabda: dia tidak memasuki Madinah dan Makkah? Sedangkan aku datang dari Madinah dan menuju ke Makkah. Kata Abū Sa’īd al-Khudrī: hampir-hampir aku memberi keuzuran kepadanya...”⁴².

Namun di hujung perbualan, Ibn Ṣayyād sendiri mengkhabarkan bahawa beliau tahu perihal Dajjāl, tempat kelahirannya, dan di mana dia sekarang, sehingga mencetuskan kemarahan Abū Sa’īd al-Khudrī RA. Kata Ibn Ṣayyād:

“...ثُمَّ قَالَ: أَمَا وَاللَّهِ إِنِّي لَأَعْرِفُهُ، وَأَعْرِفُ مَوْلِدَهُ، وَأَيْنَ هُوَ الْآنَ. قَالَ: قُلْتُ لَهُ: تَبًّا لَكَ سَائِرَ الْيَوْمِ.”

“...kemudian dia (Ibn Ṣayyād) berkata: Demi Allah aku mengenalinya (merujuk kepada Dajjāl), aku tahu tempat kelahirannya dan dimana dia sekarang! Jawab Abu Sa’īd: binasalah engkau sepanjang hari ini!”⁴³.

Bahkan Ibn Ṣayyād secara peribadi tidak menolak sekiranya benar diriya sendiri adalah Dajjāl. Kata Ibn Ṣayyād kepada Abū Sa’īd al-Khudrī RA:

“فَقَالَ لَهُ: أَمَا وَاللَّهِ إِنِّي لَأَعْلَمُ الْآنَ حَيْثُ هُوَ، وَأَعْرِفُ أَبَاهُ وَأُمَّهُ. قَالَ: وَقِيلَ لَهُ: أَيَسُرُّكَ أَنَّكَ ذَاكَ الرَّجُلُ؟ قَالَ: فَقَالَ: لَوْ عَرَضَ عَلَيَّ مَا كَرِهْتُ.”

“Dia (Ibn Ṣayyād) berkata kepadanya (Abū Sa’īd RA): demi Allah, sesungguhnya aku benar-benar tahu sekarang dimana dia (merujuk kepada Dajjāl), aku juga tahu bapanya dan ibunya. Lalu dikatakan kepadanya: adakah kamu suka jika engkau merupakan lelaki itu? Dia menjawab: sekiranya ditawarkan kepadaku, aku tidak membencinya”⁴⁴.

Menurut Abd al-Ḥaq al-Dihlawī (1052 H), pengakuan Ibn Ṣayyād bahawa beliau mengenali identiti Dajjāl, tempat kelahirannya, dan status kedudukannya pada waktu tersebut seolah-olah mengisytiharkan bahawa diri beliau adalah Dajjāl sebenar, maka ungkapan beliau tersebut dapat difahami sebagai pendedahan tidak langsung tentang hakikat dirinya sendiri⁴⁵. Dalam pada itu, kenyataan beliau yang menunjukkan kerelaan sekiranya dirinya merupakan Dajjāl adalah suatu kekufuran, kerana meredhai dakwaan sebagai Tuhan dan meredhai dakwaan sebagai Dajjāl adalah kufur⁴⁶.

Sekalipun memeluk Islam dan memasuki Madinah, namun Jābir bin Abdullah RA tetap tegas bersaksi bahawa dia adalah Dajjāl. Ibn Abī Salamah meriwayatkan bahawa:

⁴² Muslim bin al-Ḥajjāj. 1955. Ṣaḥīḥ Muslim. Kitab al-Fitan Wa Asyrāt al-Sā’ah. Bab Zikr Ibn Ṣayyād. Jil 8:191. No hadis 2927.

⁴³ Ibid.

⁴⁴ Ibid.

⁴⁵ Al-Dihlawī, Abd al-Ḥaq bin Sayf al-Dīn. 2014. Lama’āt al-Tanqīḥ fī Sharḥ Misykāh al-Maṣābīḥ Jil 8. Hal 733.

⁴⁶ Al-Qurtubī, Ahmad bin Umar. 1996. Al-Mufhim li mā Usykila min Talkhīṣ Kitāb Muslim. Jil 7. Hal 270.

"شَهِدَ جَابِرٌ أَنَّهُ هُوَ ابْنُ صَائِدٍ، قُلْتُ: فَإِنَّهُ قَدْ مَاتَ، قَالَ: وَإِنْ مَاتَ، قُلْتُ: فَإِنَّهُ قَدْ أَسْلَمَ، قَالَ: وَإِنْ أَسْلَمَ، قُلْتُ: فَإِنَّهُ قَدْ دَخَلَ الْمَدِينَةَ، قَالَ: وَإِنْ دَخَلَ الْمَدِينَةَ".

"Jābir bersumpah bahawa dia (Dajjāl) adalah Ibn Ṣayyād. Aku berkata: tetapi dia telah meninggal dunia? Jābir menjawab: sekalipun dia telah meninggal dunia! Aku berkata: tetapi dia telah memeluk Islam? Jābir menjawab: sekalipun dia telah memeluk Islam! Aku berkata: Tetapi dia telah memasuki Madinah? Jābir menjawab: sekalipun dia telah memasuki Madinah!"⁴⁷.

Namun begitu, status kematian Ibn Ṣayyād pula sebenarnya menjadi tanda tanya dan perbincangan. Walaupun diriwayatkan bahawa beliau meninggal di Madinah, disolatkan di sana, bahkan disingkap wajahnya sebelum solat supaya orang ramai menyaksikannya⁴⁸, tetapi Jābir bin Abdullah RA menyatakan bahawa mereka kehilangan Ibn Ṣayyād pada peristiwa al-Harrah⁴⁹. Menurut Ibn Hajar (852 H), riwayat ini sekaligus telah melemahkan khabar kematian beliau di Madinah⁵⁰.

Abū Nu'aym al-Aṣbahānī (430 H) dalam Tārīkh Aṣbahān pula mendatangkan riwayat Ḥassān bin Abdul Raḥmān daripada bapanya bahawa kalangan Yahudi Asbahan menyambut kedatangan Ibn Ṣayyād dengan tarian dan paluan keriang. Kata Ḥassān, daripada bapanya:

"لَمَّا افْتَتَحْنَا أَصْبَهَانَ كَانَ بَيْنَ عَسْكَرِنَا وَبَيْنَ الْيَهُودِيَّةِ فَرْسَخٌ، فَكُنَّا نَأْتِيهَا فَنَمْتَارُ مِنْهَا، فَأَتَيْتُهَا يَوْمًا فَإِذَا الْيَهُودُ يَزْفُونُ وَيَضْرِبُونَ، فَأَتَيْتُ صَدِيقًا لِي مِنْهُمْ فَقُلْتُ: مَا شَأْنُكُمْ، تُرِيدُونَ أَنْ تَنْزِعُوا يَدًا مِنْ طَاعَةٍ، فَقَالَ: لَا، وَلَكِنَّ مَلِكَنَا الَّذِي تَسْتَفْتِحُ بِهِ عَلَى الْعَرَبِ يَدْخُلُ الْمَدِينَةَ عَدَاً، فَقُلْتُ: الَّذِي تَسْتَفْتِحُونَ بِهِ عَلَى الْعَرَبِ؟ قَالَ: نَعَمْ، قُلْتُ: فَإِنِّي أَبِيتُ عِنْدَكَ اللَّيْلَةَ وَخَشِيتُ أَنْ أَقْطَعَ دُونَ الْعَسْكَرِ، قَالَ: فَبِتْ فَوْقَ سَطْحٍ لَهُ حَتَّى أَصْبَحْتُ، قَالَ: فَصَلَّيْتُ الْعَدَاةَ مَكَانِي، فَلَمَّا طَلَعَتِ الشَّمْسُ إِذَا الرَّهَجُ مِنْ نَحْوِ عَسْكَرِنَا يَدْنُو حَتَّى دَنَا، فَظَنَرْتُ فَإِذَا رَجُلٌ فِي جَيْشٍ عَلَيْهِ قُبَّةٌ مِنْ رِيحَانٍ، وَإِذَا الْيَهُودُ يَزْفُونُ وَيَضْرِبُونَ، فَظَنَرْتُ فَإِذَا هُوَ ابْنُ صَائِدٍ، فَدَخَلَ الْمَدِينَةَ، لَمْ يَرِ بَعْدُ حَتَّى السَّاعَةِ".

"Ketika kami menakluk Isfahan, jarak antara khemah tentera kami dengan perkampungan Yahudi adalah satu *farsakh*. Kami sering pergi ke sana untuk mendapatkan bekalan. Pada suatu hari aku datang ke tempat itu, lalu aku melihat orang-orang Yahudi sedang menari dan memukul alat-alat bunyian. Aku lalu menemui seorang sahabatku daripada kalangan mereka dan bertanya: "kenapa dengan kalian? Adakah kalian hendak memberontak dan melepaskan ketaatan?". Dia menjawab: "Tidak. Tetapi raja kami yang dengannya kami memohon kemenangan ke atas orang Arab akan memasuki bandar ini esok". Aku bertanya: "(Raja) yang dengannya kamu memperoleh kemenangan ke atas orang Arab?". Dia menjawab: "Ya". Aku berkata: "aku akan bermalam di rumahmu malam ini, aku bimbang terpisah daripada pasukan tentera".

Maka aku bermalam di atas bumbung rumahnya sehingga pagi. Apabila tiba waktu pagi, aku menunaikan solat Subuh di tempatku tersebut. Setelah matahari terbit, kelihatan debu dari arah khemah tentera kami semakin menghampiri sehingga menjadi dekat. Aku memerhati, lalu terlihat seorang lelaki berada dalam satu pasukan tentera, di atasnya terdapat seperti kubah yang diperbuat daripada tumbuhan raihan (haruman). Orang-orang Yahudi pula sedang menari dan memukul alat-alat bunyian. Aku

⁴⁷ Abū Dawud, Sulaymān bin al-Ash'ath. 2009. Sunan Abu Dawud. Awwal Kitāb al-Malāḥim. Bab Fī Khabar al-Jassāsah. Jil 6:348. No hadis 4328. Dinilai hasan oleh Ibn Hajar dalam Fath al-Bārī. Jil 13. Hal 328.

⁴⁸ Al-Khaṭṭābī, Ḥamad bin Muḥammad. 1932. Ma'ālim al-Sunan Sharḥ Sunan Abī Dawud. Jil 4. Hal 349.

⁴⁹ Abū Dawud, Sulaymān bin al-Ash'ath. 2009. Sunan Abu Dawud. Awwal Kitāb al-Malāḥim. Bab Khabar Ibn Ṣā'id. Jil 6:389. No hadis 4332. Kata Syu'aib al-Arna'ūṭ: sanadnya sahih.

⁵⁰ Ibn Hajar al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Alī. 1390 H. Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Jil 13. Hal 328.

memandang lagi, rupa-rupanya lelaki itu ialah Ibn Ṣayyād! Dia memasuki bandar tersebut, selepas itu tidak lagi kelihatan sehingga ke hari ini”⁵¹.

Menurut Ibn Hajar (852 H), riwayat Jābir dan riwayat Hassān dilihat tidak selari kerana pembukaan Isfahān berlaku pada zaman pemerintahan Umar RA, sedangkan jarak antara kewafatan Umar RA dengan peristiwa al-Ḥarrah adalah sekitar empat puluh tahun⁵². Walaubagaimanapun, Ibn Hajar (852 H) tetap mengharmonikan antara kedua-dua riwayat tersebut dengan mengandaikan bahawa peristiwa di Isfahān disaksikan oleh bapa Hassān pada tempoh selepas pembukaan Isfahan, bukan ketika pembukaan itu sendiri⁵³.

PENDIRIAN SARJANA ISLAM

Pelbagai riwayat yang merekodkan pertemuan Nabi SAW dengan Ibn Ṣayyād dan usaha Baginda SAW untuk menyingkap hakikat dirinya, di samping riwayat-riwayat pertemuan sebilangan para sahabat dengannya, persepsi dan sumpah mereka bahawa beliau adalah Dajjāl, serta riwayat yang menggambarkan perilaku misterinya, juga status kematiannya yang menjadi tanda tanya, telah menjadikan keperibadian Ibn Ṣayyād sebuah polemik yang kekal menjadi persoalan dan perbincangan.

Malah sebilangan sarjana Islam mengisyaratkan bahawa Ibn Ṣayyād berada pada barisan sahabat atau tabi'in. Kata Ibn al-Athīr (630 H): “sekiranya Ibn Ṣayyād menganut Islam pada hayat Rasulullah SAW maka beliau mempunyai *ṣuḥbah* memandangkan beliau pernah melihat dan berbicara dengannya (Baginda SAW). Tetapi sekiranya beliau menganut Islam selepas Nabi SAW, maka tiada *ṣuḥbah* baginya. Pandangan yang lebih tepat adalah beliau menganut Islam selepas (kewafatan) Nabi SAW, kerana sejumlah dari kalangan sahabat seperti Umar dan selainnya menyangka beliau adalah Dajjāl. Sekiranya beliau memeluk Islam pada waktu hidup Nabi SAW, nescaya sangkaan tersebut akan hilang”⁵⁴.

Al-Zahabī (748 H) pula menukikan ungkapan Ibn Syāhīn (385 H) yang menyatakan bahawa Ibn Ṣayyād tergolong di kalangan tabi'in yang pernah melihat Nabi SAW, katanya: “...dia adalah Ibn Ṣā'id, bapanya seorang Yahudi, dia dilahirkan dalam keadaan matanya cacat dan berkhatan. Dia juga yang dikatakan sebagai Dajjāl, kemudian dia memeluk Islam, maka dia adalah tabi'in yang pernah melihat (Nabi SAW)”⁵⁵.

Merumuskan kedudukan Ibn Ṣayyād, Ibn Hajar (852 H) menegaskan bahawa tiada sebarang makna untuk menyenaraikan Ibn Ṣayyād dalam kalangan sahabat. Sekiranya benar dia adalah Dajjāl, maka dia bukan sahabat sama sekali kerana kekufurannya. Bahkan sekiranya dia bukan Dajjāl sekalipun, dia tetap bukan sahabat kerana belum memeluk Islam sewaktu bertemu dengan Nabi SAW. Adapun sekiranya dia meninggal dunia dalam keadaan Islam, maka dia termasuk (dalam sahabat), sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Fathūn menurut syarat kitab al-Istī'āb⁵⁶.

Difahami daripada ungkapan Ibn Hajar (852 H) ini bahawa beliau secara peribadi menafikan Ibn Ṣayyād tergolong dalam kalangan sahabat. Tetapi sekiranya Ibn Ṣayyād meninggal dalam keadaan Islam, maka beliau mungkin tergolong dalam kalangan sahabat berdasarkan syarat kitab al-Istī'āb oleh Ibn Abd al-Bar al-Andalusī (463 H), kerana Ibn Ṣayyād pernah bertemu dengan Nabi SAW, memeluk Islam dan beriman dengan Baginda SAW⁵⁷.

⁵¹ Abū Nu'aym al-Aṣḥabānī. 1990. Tārīkh Aṣḥabān. Jil 1. Hal 43.

⁵² Ibn Hajar al-ʿAsqalānī, Aḥmad bin ʿAlī. 1390 H. Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Jil 13. Hal 328.

⁵³ Ibid.

⁵⁴ Ibn al-Athīr, Alī bin Muḥammad. 1286 H. Usud al-Ghābah fī Ma'rifah al-Ṣaḥābah. Jil 3. Hal 187.

⁵⁵ Al-Zahabī, Abū Abdullah Aḥmad bin Muḥammad. 2021. Tajrīd Asmā' al-Ṣaḥābah. Jil 1. Hal 883.

⁵⁶ Ibn Hajar, Aḥmad bin Alī. 1415 H. Al-Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah. Jil 5. Hal 149.

⁵⁷ Didapati bahawa Ibn Abd al-Bar (463 H) tidak mensyaratkan kematian dalam iman sebagai salah satu syarat penisbahan sahabat. Justeru, apabila Ibn Ṣayyād pernah berjumpa Nabi SAW, beriman dengan Baginda SAW, pernah memeluk Islam, maka ia telah memadai untuk menisbahkan *ṣuḥbah* kepada beliau berdasarkan syarat Ibn Abd al-Bar (463 H). Namun begitu, penulis tidak mendapati senarai nama Ibn

Pada perbincangan yang lain, para sarjana Islam turut berbeza pandangan tentang status peribadi Ibn Ṣayyād sama ada dia Dajjāl sebenar atau sebaliknya. Penghujahan bagi setiap pandangan sarjana Islam dalam hal ini adalah seperti berikut:

PERTAMA: IBN ṢAYYĀD ADALAH DAJJĀL

Disamping kewujudan pelbagai riwayat yang merekodkan sebilangan para sahabat seperti Umar bin al-Khaṭṭāb RA, Jābir bin Abdullah RA, Ḥafṣah binti Umar RA, Abū Saʿīd al-Khudrī RA, Abū Dzar al-Ghiffārī RA, Ibn Masʿūd RA, Ibn Umar RA, yang berpandangan bahawa Ibn Ṣayyād adalah Dajjāl, maka begitu juga sebilangan para sarjana Islam selepas mereka turut berpandangan sedemikian berdasarkan hujah-hujah yang spesifik:

Tarjih Riwayat

Disebabkan polemik Ibn Ṣayyād adalah samar serta bercampur baur, al-Bukhārī (256 H) dilihat cenderung berpandangan bahawa dia adalah Dajjāl. Menurut Ibn Hajar (852 H), al-Bukhārī (256 H) telah mengambil pendekatan *tarjih* dengan meriwayatkan hadis Jābir RA daripada Umar RA berkaitan Ibn Ṣayyād dan mengabaikan riwayat Fāṭimah binti Qays berkaitan kisah Tamīm al-Dārī, kata Ibn Hajar (852 H): "...kerana kekaburan dan kekeliruan, al-Bukhārī mengambil pendekatan *tarjih*, maka beliau hanya mengeluarkan hadis Jābir daripada Umar berkaitan Ibn Ṣayyād, namun beliau tidak mengeluarkan hadis Fāṭimah binti Qays berkaitan kisah Tamīm..."⁵⁸.

Pengkaji hadis semasa, Ḥākim al-Muṭīrī pula menelusuri semula sanad dan matan hadis Fāṭimah binti Qays, lalu beliau menyimpulkan bahawa tarjihan al-Bukhārī (256 H) tersebut adalah berasaskan kewujudan *illah* pada sanad serta matan riwayat kisah Tamīm al-Dārī⁵⁹. Walaubagaimanapun, kesimpulan ini boleh dipersoalkan semula memandangkan al-Tirmidzī (279 H) menukilkan bahawa al-Bukhārī (256 H) menilai hadis Fāṭimah binti Qays tersebut sebagai sahih⁶⁰. Menurut Barrā' Nizār Rayyān, tindakan al-Bukhārī (256 H) ini menunjukkan bahawa beliau mengetahui hadis Fāṭimah binti Qays bahkan beliau tidak melihat sebarang kecacatan padanya, namun beliau sengaja menggugurkannya kerana mentarjih riwayat lain⁶¹.

Dokongan Riwayat dan Athār Sahabat

Turut sama berpendapat Ibn Ṣayyād merupakan Dajjāl sebenar adalah Abū al-Abbās al-Qurṭubī (656 H) serta muridnya Abū Abdillāh al-Qurṭubī (671 H). Menurut Abū al-Abbās (656 H), riwayat pertemuan Ibn Umar RA dengan Ibn Ṣayyād yang menggambarkan Ibn Ṣayyād marah lalu mengembangkan jasadnya adalah petanda bahawa dia merupakan Dajjāl sebenar, kerana keadaan tersebut selari dengan ungkapan Ḥafṣah RA daripada Nabi SAW bahawa Dajjāl keluar pada situasi yang membangkitkan kemarahannya⁶². Beliau turut menegaskan bahawa riwayat-riwayat Ibn Umar RA memberikan qarinah

Ṣayyād dalam barisan sahabat dalam karya beliau. Adapun syarat penisbahan sahabah disisi Ibn Abd al-Bar (463 H) adalah:

1. Mereka yang dipastikan bersuhbah dan bertemu dengan Nabi SAW.
2. Atau mereka yang meriwayatkan daripada Baginda SAW.
3. Atau mereka yang disebutkan dalam sesuatu riwayat pernah bertemu, melihat dan mendengar Baginda SAW walaupun sekali lalu beriman dengannya.
4. Atau mereka yang lahir daripada ibu bapa yang Islam pada zaman Baginda SAW, atau lahir dari sesebuah keluarga lalu datang menemui Nabi SAW, kemudian Nabi SAW mendoakan keberkatan buat mereka.
5. Mereka yang beriman dengan Baginda SAW, menunaikan zakat kepada Baginda SAW dan Baginda SAW tidak menolaknya.

Lihat: Ibn Abd al-Bar. 2019. *Al-Istī'āb fī Ma'rīfah al-Aṣḥāb*. Jil 1. Hal 48.

⁵⁸ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad bin 'Alī. 1390 H. *Fath al-Bār Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jil 13. Hal 328.

⁵⁹ Al-Muṭīrī, Ḥākim 2009. *Dirāsah li Ḥadīth al-Jassāsah wa Bayān mā fīhi min al-'Ilal fī al-Isnād wa al-Matn*. Rujuk: <http://www.dr-hakem.com/portals/Content/?info=TmpJMkpsTjFZbEJoWjJVbU1RPT0rdQ==.jsp>

⁶⁰ Al-Tirmidhī, Muḥammad bin 'Isā. 1409 H. *Al-'Ilal al-Kabīr*. Hal 328.

⁶¹ Barrā' Nizār Rayyān. 2021. *I'rād al-Imām al-Bukhārī 'an Takhrīj al-Ḥadīth fī Ṣaḥīḥih*. Universiti Islam Gaza: IUG Journal of Islamic Studies (Hadith – Tafsir – Islamic Belief). Vol 29. No 3. Hal 292.

⁶² Al-Qurṭubī, Ahmad bin Umar. 1996. *Al-Mufhim li mā Usykila min Talkhīṣ Kitāb Muslim*. Jil 7. Hal 272.

yang pelbagai terhadap kesimpulan tersebut, sehingga Ibn Umar RA sendiri meyakini serta bertegas bahawa dia Dajjāl, sebagaimana sebilangan para sahabat turut bersumpah mengenainya⁶³.

Abū Abdillāh al-Qurtubī (671 H) pula berhujah dengan beberapa riwayat sebagai sandaran kepada pendapat beliau bahawa Ibn Ṣayyād adalah Dajjāl⁶⁴. Antaranya adalah riwayat penyaksian Jābir bin Abdullāh RA bahawa Ibn Ṣayyād adalah Dajjāl walaupun dia pernah memeluk Islam, masuk ke Madinah, bahkan meninggal dunia. Selain itu, beliau turut berhujah dengan riwayat permusafiran Abū Sa'īd al-Khudrī RA bersama Ibn Ṣayyād, dimana Ibn Ṣayyād mengakui bahawa dia tahu identiti Dajjāl sebenar, ibu bapanya, serta keberadaannya pada waktu tersebut. Menurut Abū Abdillāh (671 H), pengakuan tersebut merupakan sebuah nas jelas bahawa Ibn Ṣayyād adalah Dajjāl, manakala hujah Ibn Ṣayyād bahawa dia adalah muslim serta memasuki Makkah adalah suatu bentuk kekeliruan daripadanya untuk mengaburi identitinya yang sebenar⁶⁵.

Sarjana lain yang turut dilihat senada dengan pandangan ini adalah Yahyā bin Sharaf al-Nawawī (676 H). Meskipun tidak menyatakan pandangan beliau secara langsung, namun ulasan beliau terhadap topik ini mengisytiharkan kecenderungannya bahawa Ibn Ṣayyād adalah Dajjāl. Berkaitan alasan Ibn Ṣayyād kepada Abū Sa'īd al-Khudrī RA bahawa dia mempunyai anak sedangkan Dajjāl tiada anak, dia masuk ke Makkah dan Madinah sedangkan Dajjāl terhalang daripada memasukinya, jawab al-Nawawī (676 H): "...perkara tersebut tidak menjadi dalil baginya, kerana Nabi SAW mengkhabarkan hal tersebut pada waktu fitnahnya dan waktu dia keluar ke pelusuk bumi di akhir zaman"⁶⁶.

Al-Nawawī (676 H) juga menyatakan bahawa keislaman Ibn Ṣayyād, hajinya dan jihadnya bukanlah satu petunjuk jelas yang menafikan dirinya sebagai Dajjāl⁶⁷. Dalam masa yang sama, al-Nawawī (676 H) turut berhujah dengan sumpah Umar RA, Ibn Umar RA, dan Jābir RA bagi menolak pandangan al-Bayhaqī (458 H) bahawa Ibn Ṣayyād bukan Dajjāl⁶⁸.

Jawapan Percanggahan Riwayat

Antara alasan untuk menafikan Ibn Ṣayyād sebagai Dajjāl adalah berhujahkan hadis pertemuan Tamīm al-Dārī dengan Dajjāl yang dirantai di sebuah pulau, selain hujah larangan Nabi SAW kepada Umar RA daripada membunuhnya. Mengulas berkenaan kisah Tamīm tersebut, Abū Abdillāh al-Qurtubī (671 H) berkata: "sebahagian para ulama beristidlal bahawa Dajjāl bukan Ibn Ṣayyād bersandarkan hadis Jassāsah dan hujah-hujah lain seumpunya. Namun yang sahih adalah Ibn Ṣayyād merupakan Dajjāl berdasarkan dalil-dalil yang telah dikemukakan, bahkan tidak pelik sekiranya dia terikat di suatu pulau pada waktu tertentu, tetapi pada waktu lain dia berada dalam kalangan para sahabat sehinggalah mereka kehilangannya pada hari al-Ḥarrah"⁶⁹.

Dikalangan sarjana terkemudian, Muḥammad bin Alī al-Syaukānī (1250 H) pula mengemukakan dua alasan bagi merungkai pertentangan riwayat larangan Nabi SAW terhadap Umar RA daripada membunuh Ibn Ṣayyād dengan riwayat Umar RA bersumpah bahawa dia adalah Dajjāl⁷⁰, iaitu:

- i. Pada peringkat awal, Nabi SAW ragu tentang status sebenar Ibn Ṣayyād. Namun, setelah Baginda SAW mengetahui status sebenarnya, maka Baginda SAW tidak mengingkari sumpah Umar RA bahawa dia adalah Dajjāl.
- ii. Dalam penggunaan Bahasa Arab, kadangkala sesuatu perkhabaran diungkapkan secara ragu walaupun keadaan sebenarnya adalah tiada keraguan.

⁶³ Ibid.

⁶⁴ Al-Qurtubī, Muhammad bin Ahmad. 1425 H. al-Tazkirah bi Aḥwāl al-Mawtā wa Umūr al-Ākhirah. Hal 1342.

⁶⁵ Al-Qurtubī, Muhammad bin Ahmad. 1425 H. al-Tazkirah bi Aḥwāl al-Mawtā wa Umūr al-Ākhirah. Hal 1342.

⁶⁶ Al-Nawawī, Yahyā bin Sharaf. 1392 H. Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj. Jil 18. Hal 46.

⁶⁷ Ibid. Jil 18. Hal 47.

⁶⁸ Ibid. Jil 18. Hal 48.

⁶⁹ Ibid.

⁷⁰ Al-Syaukānī, Muḥammad bin 'Alī. 1427 H. Nayl al-Awtār min Asrār Muntaqā al-Akhbār. Jil 13. Hal 543.

Seorang penulis eskatologi Mesir, Sa'īd Ayyūb (1418 H), turut menyatakan bahawa kemunculan Ibn Ṣayyād pada zaman Nabi SAW tidak bercanggah dengan riwayat-riwayat kemunculan Dajjāl pada akhir zaman. Sebaliknya, kemunculannya di zaman kenabian adalah terbatas dengan penjagaan Allah SWT terhadap peribadi Nabi serta manhaj risalah, sehingga dia tidak berupaya menzahirkan fitnahnya pada hayat Rasulullah SAW, selari dengan firman Allah SWT⁷¹:

﴿وَاللَّهُ يَعَصِيكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ﴾

“Dan Allah jualah yang akan memeliharamu (dari kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum kafir”⁷².

Juga selari dengan firman Allah SWT:

﴿إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ﴾

“Sesungguhnya Kami yang menurunkan al-Quran dan Kami yang memelihara serta menjaganya”⁷³.

Menurut beliau lagi, pendekatan Rasulullah SAW terhadap Ibn Ṣayyād juga adalah sejajar dengan hakikat kemunculannya pada peringkat tersebut, iaitu sebelum fitnahnya mencapai kemuncak pada akhir zaman. Oleh yang demikian, Rasulullah SAW berperanan sebagai benteng yang mengawal serta membatasinya, maka Rasulullah SAW sendiri mendatangi Ibn Ṣayyād untuk mengujinya, meneliti keadaannya dan menyingkap identitinya. Walaubagaimanapun, Baginda SAW tidak membunuhnya kerana Baginda SAW tahu pembunuhan Dajjāl telah ditetapkan sebagai tugas yang akan dilaksanakan oleh Nabi Isa AS pada akhir zaman⁷⁴.

Berkaitan pertemuan Tamīm al-Dārī dengan Dajjāl, Sa'īd Ayyūb (1418 H) menyatakan: “kemunculan Dajjāl tidak terhad kepada bentuk kemunculan sewaktu pertemuan dengan Tamīm di sebuah pulau, malah dia turut muncul sekali lagi dengan bentuk lain dengan tujuan yang lain, pada rupa lelaki yang dipanggil Ibn Ṣayyād. Malah kemunculan berkenaan kekuatan ghaib sebegini tidak hanya berlaku pada al-Masīh Dajjāl, sebelumnya Jibril AS pernah datang pada rupa Dihyah al-Kalbī”⁷⁵.

Pada tempat lain, Sa'īd Ayyūb (1418 H) menjelaskan bahawa setiap ketetapan Allah SWT berkaitan perkara ini, termasuk pertemuan Tamīm dengan Dajjāl, kemunculan Dajjāl sebagai Ibn Ṣayyād di tengah-tengah masyarakat, persoalan yang diajukan Dajjāl kepada Tamīm, serta tingkah laku Ibn Ṣayyād yang penuh misteri, semuanya mengandungi tujuan dan hikmah yang tersendiri⁷⁶. Pada konteks umat, beliau berpandangan bahawa kemunculan Dajjāl di tengah-tengah masyarakat pada zaman kenabian merupakan manifestasi kasih sayang Allah SWT terhadap sekalian hamba-Nya, agar mereka dapat meneliti dan memahami soal pengakhiran memandangkan umat ini adalah umat akhir zaman⁷⁷. Dalam konteks Dajjāl pula, beliau menjelaskan bahawa kemunculannya pada peringkat awal pada zaman kenabian tersebut adalah berperanan sebagai kemunculan bersifat peringatan, manakala kemunculannya pada akhir zaman adalah untuk membawa kerosakan dan kemusnahan⁷⁸.

Sebagai rumusan, didapati bahawa pandangan yang mengidentifikasi Ibn Ṣayyād sebagai Dajjāl sebenar bukanlah suatu pandangan terpencil, bahkan merupakan salah satu pandangan yang dipegang oleh sebahagian para sahabat dan dipertahankan oleh sejumlah sarjana terkemuka. Oleh itu, tidak hairan sekiranya sebahagian para sarjana membidas sarjana lain yang cuba menggambarkan kelemahan pandangan ini, seperti bidasan Alā'uddīn Mughlatāy (762 H) terhadap al-Mizzī (742 H) ketika mengulas biografi Umarah anak Ibn Ṣayyād, katanya: “pada ungkapan al-Mizzī berkenaan bapanya bahawa

⁷¹ Sa'īd Ayyūb. 1991. Aqīdah al-Masīh al-Dajjāl fī al-Adyān: Qirāah fī al-Mustaqbal. Hal 399.

⁷² Al-Māidah: 67

⁷³ Al-Ḥijr: 9

⁷⁴ Sa'īd Ayyūb. 1991. Aqīdah al-Masīh al-Dajjāl fī al-Adyān: Qirāah fī al-Mustaqbal. Hal 399.

⁷⁵ Ibid. Hal 391.

⁷⁶ Ibid. Hal 409.

⁷⁷ Ibid. Hal 391.

⁷⁸ Ibid. Hal 392.

dikatakan (*qīla*) dia adalah Dajjāl, perlu dilihat semula. Hal ini kerana pandangan tersebut merupakan pandangan terpilih disisi sekumpulan para imam, sehigga Abū Dzār bersumpah dia adalah Dajjāl, begitu juga Umar, anaknya Abdullah, Jābir bin Abdullah, ia juga adalah pandangan Abū Sa'īd al-Khudrī, A'ishah Umm al-Mukminīn, al-Zubayr bin al-'Awwām, Abī Bakrah, Abū Saburah, dan al-Nu'mān. Sekumpulan para ulama mentarjihkan pandangan ini serta mensahihkannya. Justeru, sekiranya begini halnya, maka sama sekali tidak boleh disebut: **dikatakan** dengan *sighah tamrīd*⁷⁹.

KEDUA: IBN ŠAYYĀD BUKAN DAJJĀL SEBENAR

Berbeza dengan pandangan pertama yang menyatakan bahawa Ibn Šayyād adalah Dajjāl, pandangan kedua pula menafikan dia sebagai Dajjāl sebenar. Beberapa sarjana Islam berpandangan dengan pandangan ini berdasarkan beberapa hujah utama, seperti berikut:

Percanggahan dengan Hadis Jassāsah

Menurut Abū Bakr al-Bayhaqī (458 H), hadis Jassāsah berkenaan pertemuan Tamīm al-Dārī dengan Dajjāl merupakan petunjuk jelas bahawa Dajjāl akhir zaman bukan Ibn Šayyād⁸⁰. Beliau menyatakan bahawa keraguan berkenaan identiti Ibn Šayyād hanya berlaku pada peringkat awal pertemuan Rasulullah SAW dengannya, adapun selepas didatangkan kisah Tamīm al-Dārī maka Baginda SAW dapat memastikan bahawa dia adalah bukan Dajjāl⁸¹. Sumpah Umar bin al-Khaṭṭāb RA bahawa dia adalah Dajjāl juga berkemungkinan sebelum beliau mengetahui kisah Tamīm, selepas beliau mengetahuinya maka beliau tidak lagi mengulangi sumpah tersebut⁸².

Ibn Hajar (852 H) turut menukulkan ungkapan al-Bayhaqī (458 H) yang berkata: “seolah-olah mereka yang bertegas mengatakan Ibn Šayyād adalah Dajjāl tidak mendengar tentang kisah Tamīm. Sekiranya mereka tahu, nescaya amat jauh untuk diharmonikan antara kedua-dua (riwayat) tersebut. Bagaimana mungkin seorang yang berada pada zaman kenabian belum mencapai umur baligh, kemudian Nabi SAW bertemu dengannya dan mengujinya, tetapi dalam masa yang sama dia juga merupakan seorang tua yang terpenjara di sebuah pulau di laut dirantai dengan besi? Kemudian bertanya pula tentang khabar Nabi SAW adakah telah diutuskan atau belum?”⁸³.

Hujah yang sama juga dikemukakan oleh Ibn Kathīr (774 H), ketika mengulas riwayat Fāṭimah binti Qays berkenaan kisah Tamīm al-Dārī, beliau berkata: “...secara pasti, bermaksud Ibn Šayyād bukanlah Dajjāl yang akan keluar di akhir zaman berdasarkan hadis Fāṭimah binti Qays al-Fihriyyah, sesungguhnya (hadis tersebut) adalah pemutus bagi perbahasan ini”⁸⁴.

Behujahkan hadis ini juga, Umar Sulaymān al-Asyqar (1433 H) merumuskan bahawa Ibn Šayyād bukan Dajjāl sebenar⁸⁵, sepertimana pandangan al-Bayhaqī (458 H) dan Ibn Kathīr (774 H). Malah, al-Asyqar (1433 H) menyatakan bahawa Dajjāl sebenar berkemungkinan merupakan syaitan yang dipenjarakan oleh Nabi Sulaiman AS sebagaimana pandangan sebahagian ahli ilmu, kerana sangat sukar bagi seorang manusia untuk hidup dalam tempoh terlalu lama⁸⁶.

Dajjāl Menyerupai Abdul ‘Uzzā bin Qaṭan

Salah satu hujah al-Bayhaqī (458 H) bagi menafikan Ibn Šayyād sebagai Dajjāl adalah kewujudan sebuah riwayat yang menyatakan bahawa Dajjāl menyerupai Abdul ‘Uzzā bin Qaṭan⁸⁷, bukan Ibn Šayyād⁸⁸. Walaubagaimanapun, hal ini tidak juga dapat menafikan bahawa sebahagian sifat Ibn Šayyād adalah menyerupai sifat Dajjāl, sebagaimana sebahagian sifat Dajjāl menyerupai Abdul ‘Uzzā bin

⁷⁹ Alā'uddīn Mughlaṭāy bin Qalīj. 2001. Ikmāl Tahdhīb al-Kamāl. Jil 10. Hal 19-20.

⁸⁰ Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn. 1986. Al-Ba'th wa al-Nusyūr. Hal 174.

⁸¹ Ibid. Hal 167.

⁸² Ibn Hajar al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Alī. 1390 H. Faṭḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Jil 13. Hal 327.

⁸³ Ibid.

⁸⁴ Ibn Kathīr, Ismā'il bin Umar. 1420 H. Al-Bidāyah wa al-Nihāyah. Jil 19. Hal 129.

⁸⁵ Al-Asyqar, Umar bin Sulaymān. 1991. Al-Qiyāmah al-Ṣughrā. Hal 258.

⁸⁶ Al-Asyqar, Umar bin Sulaymān. 1991. Al-Qiyāmah al-Ṣughrā. Hal 258.

⁸⁷ Lihat: Aḥmad bin Ḥanbal. 2001. Musnad Ahmad. Musnad Uthmān bin 'Affān RA. Jil 4: 48. No hadis 2148. Kata Syu'aib al-Arna'ūt: “sahih lighairih”.

⁸⁸ Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn. 1986. Al-Ba'th wa al-Nusyūr. Hal 167.

Qaṭan⁸⁹. Oleh yang demikian, identiti Ibn Ṣayyād lebih dekat untuk dikategorikan sebagai salah satu Dajjāl kecil yang akan muncul sebelum kemunculan Dajjāl sebenar di akhir zaman⁹⁰, sepertimana yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah RA, daripada Nabi SAW:

"وَلَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يُبْعَثَ دَجَالُونَ كَذَّابُونَ، قَرِيبًا مِنْ ثَلَاثِينَ، كُلُّهُمْ يَزْعُمُ أَنَّهُ رَسُولُ اللَّهِ"

“Tidak akan berlaku kiamat sehinggalah diutuskan Dajjāl-dajjāl yang penipu, bilangannya menghampiri 30, semuanya mendakwa sebagai utusan Allah”⁹¹.

Ibn Ṣayyād adalah Dukun atau Syaitan

Ketika mengulas berkenaan bantuan syaitan yang berbeza dengan karamah para sahabat, Ibn Taimiyyah (728 H) menjadikan peribadi Ibn Ṣayyād sebagai contoh. Beliau berpandangan bahawa Ibn Ṣayyād tergolong dikalangan dukun (*kāhin*) yang menggunakan bantuan syaitan untuk mengetahui sebahagian daripada perkara-perkara ghaib⁹².

Adapun Ibn Hajar (852 H), beliau merumuskan bahawa Ibn Ṣayyād adalah syaitan yang muncul dengan rupa Dajjāl, kata beliau: “pendapat yang paling hampir untuk mengharmonikan antara hadis Tamīm dengan pandangan bahawa Ibn Ṣayyād sebagai Dajjāl adalah: Dajjāl sebenar ialah individu yang dilihat oleh Tamīm dalam keadaan dirantai. Manakala Ibn Ṣayyād pula ialah syaitan yang menjelma dalam rupa Dajjāl sepanjang tempoh tersebut, sehinggalah dia menuju ke Isfahan. Setelah itu, syaitan tersebut bersembunyi sehingga tiba waktu yang telah ditentukan oleh Allah SWT untuk keluarnya Dajjāl”⁹³.

Berasaskan hujah-hujah yang dikemukakan ini, maka pandangan bahawa Ibn Ṣayyād adalah bukan Dajjāl sebenar merupakan pandangan majoriti sarjana Islam⁹⁴. Namun begitu, beberapa hujah bagi pandangan ini juga sebenarnya tidak sunyi daripada bidasan balas. Kenyataan al-Bayhaqī (458 H) bahawa mereka yang bertegas menyatakan Ibn Ṣayyād sebagai Dajjāl adalah tidak mendengar tentang kisah Tamīm; boleh dipersoalkan semula memandangkan Jābir bin Abdullah adalah salah seorang yang meriwayatkan kisah Jassāsah tersebut⁹⁵ dan dalam masa yang sama beliau juga adalah individu yang bersumpah Ibn Ṣayyād merupakan Dajjāl sekalipun dia memeluk Islam dan meninggal dunia. Pandangan Ibn Hajar (852 H) bahawa Ibn Ṣayyād adalah syaitan yang muncul dengan rupa Dajjāl turut wajar dipersoalkan kembali memandangkan Ibn Ṣayyād mempunyai anak bernama ‘Umārah bin Abdullah yang tergolong dalam kalangan tabi’in⁹⁶, juga merupakan *aṣḥāb* Sa’īd bin Musayyib dan Imam Mālik bin Anas meriwayatkan daripadanya⁹⁷.

PENUTUP

Rentetan perbincangan hadis-hadis berkaitan Ibn Ṣayyād dan polemik identitinya membuktikan bahawa topik ini merupakan satu wacana ilmiah yang dinamik dan tidak mempunyai konklusi mutlak. Sebaliknya, perbahasan ini berada dalam ranah ijtihad yang anjal, terbuka, dan sentiasa terdedah kepada kritikan berterusan. Realiti ini secara tidak langsung mendedahkan wujudnya ruang ketidakpastian dalam skop perbahasan ilmu tertentu. Dinamika perbincangan sebegini seharusnya menjadi pemangkin dalam mendidik jiwa manusia untuk mengiktiraf keterbatasan akal dalam menyingkap hakikat mutlak, terutama dalam perbahasan *ghaibiyāt* dan *fitan* yang penuh dengan kesamaran. Walau bagaimanapun,

⁸⁹ Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf. 1392 H. Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj. Jil 18. Hal 48.

⁹⁰ Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn. 1986. Al-Ba’th wa al-Nusyūr. Hal 174.

⁹¹ Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’il. 1993. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Kitab al-Manāqib. Bab ‘Alāmāt al-Nubuwwah fī al-Islām. Jil 3:1320. No hadis 2413.

⁹² Ibn Taymiyyah, Aḥmad bin Abdul Ḥalīm. 1985. Al-Furqān Bayna Awliyā’ al-Raḥmān wa Awliyā’ al-Syayṭān. Hal 166-167.

⁹³ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Ali. 1390 H. Faṭḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Jil 13. Hal 328.

⁹⁴ Al-Dubaykhī, Sulaymān bin Muḥammad. 2001. Aḥādīth Aqīdah allatī Yūhim Zāhiruhā al-Ta’arūd fī al-Ṣaḥīḥayn: Dirāsah wa al-Tarjīḥ. Universiti Umm al-Qurā: Tesis Master. Hal 405.

⁹⁵ Lihat: Abū Dawūd, Sulaymān bin al-Asy’ath. 2009. Sunan Abī Dawūd. Awwal Kitāb al-Malāḥim. Bab fī Khabar al-Jassāsah. Jil 6:384. No hadis 4328.

⁹⁶ Ibn Kathīr. Al-Bidāyah wa al-Nihāyah. Jil 19. Hal 204..

⁹⁷ Ibn al-Athīr, ‘Alī bin Aḥmad. 1994. Usud al-Ghābah fī Ma’rifah al-Ṣaḥābah. Jil 3. Hal 283.

keterbatasan ini juga tidak wajar dijadikan alasan untuk melemahkan usaha intelektual, sebaliknya ia berfungsi memupuk sikap merendah diri dalam menerima kepelbagaian pandangan ilmiah.

Pada sudut yang lain, keterbatasan manusia untuk mencapai suatu keputusan yang muktamad dalam perbahasan seperti isu ini turut perlu dilihat pada dimensi spiritual. Perbahasan sebegini mendidik manusia agar lebih berserah dan bergantung kepada Allah SWT dalam menghadapi pelbagai fitnah akhir zaman, khususnya fitnah Dajjāl. Hakikat ini turut menjelaskan kepentingan memperbanyakkan doa memohon perlindungan daripada Allah SWT agar dipelihara daripada fitnah terbesar dalam sejarah kemanusiaan⁹⁸. Kesedaran tersebut diterjemahkan melalui penekanan syariat terhadap amalan membaca doa memohon perlindungan daripada fitnah Dajjāl pada setiap penghujung solat⁹⁹, di samping melazimi Surah al-Kahf sebagai benteng menghadapi fitnah tersebut¹⁰⁰. Dimensi spiritual ini memperlihatkan bahawa wacana eskatologi dalam Islam bukan sekadar menjadi medan perdebatan intelektual, bahkan bertujuan memperkukuh akidah, menyuburkan sikap tawakal kepada Allah SWT, dan membina ketahanan rohani umat dalam mendepani realiti akhir zaman.

⁹⁸ Lihat: Muslim bin al-Hajjāj. 1955. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab al-Fitan wa Asyrāt al-Sā'ah. Bab Fī Baqiyyah min Aḥādīth al-Dajjāl. Jil 4:2266. No hadis 2946.

⁹⁹ Ibid. Kitab al-Masājid wa Mawāḍi' al-Solāh. Bab Mā Yust'adz Minhu fī al-Solāh. Jil 1:412. No hadis 588.

¹⁰⁰ Abū Dawud, Sulaymān bin al-Asy'ath. 2009. *Sunan Abu Dawud*. Awwal Kitab al-Malāḥim. Bab Khurūj al-Dajjāl. Jil 6:376. No hadis 4323. Dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arnā'ūt

RUJUKAN

Al-Quran

Al-‘Aynī, Badr al-Dīn Maḥmūd bin Aḥmad. 1431 H. **‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī**. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Abū Dāwūd. 2009. **Sunan Abī Dāwūd**. Damsyik: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah.

Abū Nu‘aym al-Aṣbahānī. 1990. **Tārīkh Aṣbahān**. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Abū Ya‘lā al-Mūṣilī, Aḥmad bin ‘Alī. 1984. **Musnad Abī Ya‘lā**. Damsyik: Dār al-Ma‘mūn li al-Turāth.

Aḥmad bin Ḥanbal. 2001. **Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal**. T.t: Muassasah al-Risālah.

Alā‘uddīn Mughlaṭāy bin Qalīj. 2001. **Ikmāl Tahdhīb al-Kamāl**. T.t: al-Fārūq al-Ḥadīthah li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr.

Al-Asyqar, ‘Umar bin Sulaymān. 1991. **Al-Qiyāmah al-Ṣughrā**. Jordan: Dār al-Nafā‘is li al-Nashr wa al-Tawzī‘.

Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn. 1986. **Al-Ba‘th wa al-Nushūr**. Riyāḍ: Maktabah Dār al-Hijāz li al-Nashr wa al-Tawzī‘.

Barrā’ Nizār Rayyān. 2021. **I’rāḍ al-Imām al-Bukhārī ‘an Takhrīj al-Ḥadīth fī Ṣaḥīḥih**. Universiti Islam Gaza: IUG Journal of Islamic Studies (Hadith – Tafsir – Islamic Belief). Vol. 29, No. 3.

Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl. 1993. **Ṣaḥīḥ al-Bukhārī**. Damsyik: Dār Ibn Kathīr.

Dewan Bahasa dan Pustaka. Disunting daripada laman Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). Pautan: <https://prpm.dbp.gov.my/>

Al-Dihlawī, ‘Abd al-Ḥaq bin Sayf al-Dīn. 2014. **Lama’āt al-Tanqīḥ fī Sharḥ Mishkāh al-Maṣābīḥ**. Damsyik: Dār al-Nawādir.

Al-Dubaykhī, Sulaymān bin Muḥammad. 2001. **Aḥādīth ‘Aqīdah allatī Yūhim Zāhiruhā al-Ta’arūḍ fī al-Ṣaḥīḥayn: Dirāsah wa al-Tarjīḥ**. Universiti Umm al-Qurā: Tesis Sarjana.

Faḥīm Abū ‘Abīyyah. 1968. **Al-Nihāyah fī al-Fitan wa al-Malāḥim** (taḥqīq). Riyadh: Maktabah al-Naṣr al-Ḥadīthah.

Ibn ‘Abd al-Barr. 2019. **Al-Istī‘āb fī Ma‘rifah al-Aṣḥāb**. Mesir: Markaz Hijr li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-‘Arabīyyah wa al-Islāmiyyah.

Ibn al-Athīr, ‘Alī bin Aḥmad. 1994. **Usud al-Ghābah fī Ma‘rifah al-Ṣaḥābah**. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Baṭṭāl, ‘Alī bin Khalaf. 2003. **Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl**. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī. 1390 H. **Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī**. Mesir: al-Maktabah al-Salafiyyah.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. Aḥmad bin ‘Alī. 1415 H. **Al-Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah**. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Kathīr, Ismā‘īl bin ‘Umar. 1420 H. **Al-Bidāyah wa al-Nihāyah**. T.t.: Markaz al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-‘Arabīyyah wa al-Islāmiyyah bi Dār Hijr.

Ibn Taymiyyah, Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm. 1985. **Al-Furqān Bayna Awliyā’ al-Raḥmān wa Awliyā’ al-Shayṭān**. Damsyik: Maktabah Dār al-Bayān.

Al-Khaṭṭābī, Ḥamad bin Muḥammad. 1988. **A’lām al-Ḥadīth Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī**. Universiti Umm al-Qurā: Markaz al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa Iḥyā’ al-Turāth al-Islāmī.

Al-Khaṭṭābī, Ḥamad bin Muḥammad. 1932. **Ma‘ālim al-Sunan Sharḥ Sunan Abī Dāwūd**. Halab: al-Maṭba‘ah al-Ilmiyyah.

Al-Kūrānī, Shams al-Dīn Aḥmad bin Ismā‘īl. 2008. **Al-Kawthar al-Jārī ilā Riyāḍ Aḥādīth al-Bukhārī**. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Al-Muṭṭirī, Ḥākim. 2009. **Dirāsah li Ḥadīth al-Jassāsah wa Bayān mā fihi min al-‘Ilal fī al-Isnād wa al-Matn**. Pautan : <http://www.dr-hakem.com/portals/Content/?info=TmpJMkpsTjFZbEJoWjJVbU1RPT0rdQ==.jsp>

Muslim bin al-Ḥajjāj. 1955. **Ṣaḥīḥ Muslim**. Kaherah: Maṭba‘ah ‘Īsā al-Bābī al-Ḥalabī wa Shurakāh.

Al-Mullā ‘Alī al-Qārī, ‘Alī bin Muḥammad. 2002. **Mirqāh al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāh al-Maṣābīḥ**. Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Nawawī, Yahyā bin Sharaf. 1392 H. **Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj**. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

- Al-Qāḍī ‘Iyāḍ, ‘Iyāḍ bin Mūsā. 1998. **Ikmāl al-Mu‘lim bi Fawā’id al-Muslim**. Mesir: ār al-Wafā’ li al-Ṭibā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’.
- Al-Qurṭubī, Aḥmad bin ‘Umar. 1996. **Al-Mufhim li mā Ushkila min Talkhīṣ Kitāb Muslim**. Damsyik: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad. 1425 H. **Al-Tadhkirah bi Aḥwāl al-Mawtā wa Umūr al-Ākhirah**. Riyadh: Maktabah Dār al-Minhāj li al-Nashr wa al-Tawzī’.
- Sa’id Ayyūb. 1991. **‘Aqīdah al-Masīḥ al-Dajjāl fī al-Adyān: Qirā’ah fī al-Mustaqbal**. Beirut: Dār al-Hādī.
- Sharaf al-Dīn al-Ṭībī, al-Ḥusayn bin ‘Abdullāh. 1997. **Al-Kāshif ‘an Ḥaqā’iq al-Sunan**. Makkah: Maktabah Nizār Muṣṭafā al-Bāz.
- Al-Shurmān, Khālīd Muḥammad dan al-Bawā’inah, Sa’id Muḥammad. **Aḥādīth al-Fitan: Mafhūmuhā wa al-Taṣnīf Fihā wa Qīmatuhā al-‘Amaliyyah wa Qawā’id Fahmihā**. Al-Majallah al-Urduniyyah fī al-Dirāsāt al-Islāmiyyah.
- Al-Syawkānī, Muḥammad bin ‘Alī. 1427 H. **Nayl al-Awṭār min Asrār Muntaqā al-Akhhbār**. Arab Saudi: Dār Ibn al-Jawzī li al-Nashr wa al-Tawzī’.
- Al-Ṭabarānī, Sulaymān bin Aḥmad. 1994. **Al-Mu’jam al-Kabīr**. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā. 1409 H. **Al-‘Ilal al-Kabīr**. Beirut: Maktabah al-Nahḍah al-‘Arabiyyah.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā. 2009. **Sunan al-Tirmidhī**. Damsyik: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah.
- The Britannica Dictionary.** Disunting daripada laman: <https://www.britannica.com/dictionary/polemic>
- Yasir bin Ramli. 2023. **Al-Ittijāhāt al-Tafsīriyyah li al-Ḥawādīth al-Wāridah fī Aḥādīth al-Fitan wa al-Malāḥim: Dirāsah Taḥlīliyyah li Namādhij Mukhtārah**. Tesis PhD, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Al-Zahabī, Abū ‘Abdullāh Aḥmad bin Muḥammad. 2021. **Tajrīd Asmā’ al-Ṣaḥābah**. UAE: Jam‘iyyah Dār al-Birr.